

## **Kesan Proses Integrasi Dan Segregasi Ke Atas Konsep Kendiri**

Nurzaira Azreena Bt. Rahamat

Integrasi adalah melibatkan penyatuan pelbagai kumpulan dalam erti kata interaksi sosial tidak lagi dipengaruhi oleh identiti ras atau etnik (Ting, 1987). Ini bermakna kumpulan dominan dan minoriti tidak lagi membuat pembezaan antara ‘dominan’ dan ‘minoriti’ serta tidak lagi wujud perasaan prejedis dan perlakuan diskriminasi. Dalam konteks Amerika Syarikat, integrasi memerlukan penerimaan jujur oleh semua rakyatnya bahawa semua orang Amerika tidak kira berkulit putih atau hitam adalah sama rata.

Segregasi pula membawa maksud pengasingan atau pemisahan yang meletakkan had-had dan sekatan-sekatan tertentu ke atas hubungan, sosial, kontrak dan komunikasi (Ting, 1997). Secara umumnya, segregasi ini wujud dalam aspek-aspek seperti tempat kediaman, perkhidmatan dan juga dari segi sosial, adat resam, tradisi dan agama. Segregasi ini berlaku atas dasar ras, agama, kebudayaan dan lain-lain ciri etnik. Beberapa dasawarsa dahulu orang kulit hitam di Amerika Syarikat mengalami keadaan segregasi ini. Pemisahan bukan sahaja berlaku di sekolah dan gereja tetapi juga di restoran dan tempat hiburan. Pendek kata, kaum ini diasingkan dan dipisahkan daripada kaum kulit putih dalam segala aspek kehidupan.

Oleh yang demikian, topik ini cuba menghuraikan kesan-kesan proses integrasi dan segregasi terhadap konsep kendiri golongan orang kulit hitam. Melihat secara fizikalnya, proses segregasi akan mengakibatkan estim kendiri yang rendah di kalangan individu daripada kelompok kaum kulit hitam ini. Namun sebahagian ahli sains sosial berpendapat segregasi tidak seharusnya merendahkan estim kendiri golongan ini sebaliknya proses integrasilah yang akan menjadi faktor kemerosotannya. Ini berpunca daripada keadaaan terpisah dan terasing itu akan membataskan proses penilaian diri mereka iaitu hanya bergantung kepada orang-orang daripada kelompok kaum yang sama dengan mereka sahaja. Maka tidak berlakulah situasi yang boleh merosakkan pembentukan konsep kendiri individu kulit hitam tersebut.

Rosernberg dan Simmons (1972) seperti yang dipetik daripada Wylie *et.al* (1979) telah memberikan beberapa situasi untuk menjelaskan bahawa integrasi itu boleh merendahkan estim kendiri orang kulit hitam; iaitu:

- Orang kulit hitam akan mengalami lebih penghinaan sekiranya mereka bersekolah di sekolah campuran/integrasi
- Prestasi pelajaran orang kulit hitam lebih rendah berbanding orang kulit putih di sekolah campuran (walaupun sebenarnya mereka cenderung untuk mencapai prestasi yang lebih baik di sekolah segregasi)
- Memasuki sekolah campuran, orang kulit hitam akan menghadapi situasi di mana nilai-nilai dan tingkah laku kaum mereka direndahkan sedangkan mereka telah menerima nilai dan tingkah laku tersebut sebagai sesuatu yang benar dan boleh dikagumi
- Pengintegrasian akan menyedarkan kanak-kanak kulit hitam itu tentang status sosioekonomi keluragannya yang biasanya berada pada tahap yang rendah

Kajian yang dijalankan oleh Bachman (1970) juga mendapati estim kendiri kanak-kanak kulit hitam di sekolah segregasi adalah lebih tinggi berbanding kanak-kanak kulit putih dan juga kanak-kanak kulit hitam yang bersekolah di sekolah campuran. Beberapa kajian lain yang dijalankan oleh penyelidik seperti Harootunian (1968); Crain dan Weisman (1972) serta Hughes dan Works (1974) turut membuktikan bahawa proses segregasi tidak akan merosakkan konsep kendiri seseorang individu sebaliknya integrasi yang boleh memberi kesan buruk kepada estim kendirinya. Namun demikian ingin ditegaskan di sini, kesan integrasi dan segregasi ke atas konsep kendiri ini mungkin juga dipengaruhi oleh pemboleh ubah-pemboleh ubah yang lain. Kajian-kajian yang dijalankan oleh para penyelidik sebelum ini kurang memberi perhatian kepada aspek tersebut.